

Analisis Isu-Isu Hukum Islam Berkaitan Wanita Dalam Fiqh Jihad Aliran Ekstremisme Agama

Analysis of Islamic Ruling Issues Concerning Women in Fiqh Jihad Among Religious Extremism Thought

Muhd Imran Abd Razak^{a*}, Mohd Anuar Ramli^b, Rahimin Affandi Abd Rahim^b, Muhammad Yusri Yusof @Salleh^a, Paiz Hassan^a

^a*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

^b*Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia*

**Corresponding author: imranrazak@perak.uitm.edu.my*

Article history

Received: 2017-12-25 Received in revised form: 2018-08-21 Accepted: 2018-10-30 Published online: 2019-02-28

Abstract

The religious extremism ideology has gained the support of a small number of Muslim women. The increased participation of these groups is due to various internal and external factors. In regard of this, this study focuses on Islamic ruling issues related to the fiqh of women's jihad in the doctrine of religious extremism, such as combatant and jihad marriage. This study applies the library approach by examining the materials of religious group extremism and classical also contemporary clerics discussing about the involvement of women in fiqh jihad. Qualitative data are collected and the content were analyzed based on deductive and comparative methods. The findings suggest that the religious extremism group uses a hard interpretation of Islamic ruling and is contrary to classical and contemporary clerics, for example in the issue of allowing women to take up arms as well as in the issue of jihad marriage that degrade women's dignity. As a result the victims who were involved directly or indirectly will be discriminated involved in sexual exploitation and tyranny. Hence, the approach of discourse that offers women-friendly fiqh is greatly needed

Keywords: Religious extremism, women's fighters, women's subordination, jihad marriage.

Abstrak

Aliran ekstremisme agama telah mendapat sokongan sebahagian kecil umat Islam termasuklah daripada kalangan kaum wanita. Peningkatan penyertaan golongan tersebut didapati berpunca daripada pelbagai faktor sama ada dalaman ataupun luaran. Kajian ini memfokuskan tentang isu-isu hukum berkaitan fiqh jihad wanita dalam aliran ekstremisme agama, iaitu mengangkat senjata dan nikah jihad. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kepustakaan dengan meneliti bahan terbitan kumpulan ekstremisme agama dan perbincangan ulama klasik dan kontemporari tentang penglibatan wanita dalam fiqh jihad. Data kualitatif yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis secara kandungan berdasarkan metode deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati, aliran ekstremisme agama menggunakan pendekatan pentafsiran hukum yang keras dan bertentangan dengan ulama klasik dan kontemporari, umpamanya dalam isu membenarkan wanita mengangkat senjata dan juga dalam isu nikah jihad yang merendahkan maruah wanita. Kesannya, berlaku diskriminasi, eksploitasi seksual dan kezaliman terhadap kaum wanita sama ada yang menyertai ataupun yang terlibat menjadi mangsa aliran ekstremisme agama. Dengan itu pendekatan wacana balas yang menawarkan fiqh yang mesra wanita wajar dikemukakan.

Kata kunci: Ekstremisme agama, pejuang wanita, subordinasi wanita, jihad nikah.

1.0 PENGENALAN

Kemunculan kumpulan-kumpulan pengganas yang membawa aliran ekstremisme agama kini menjadi ancaman local dan global. Dengan menggunakan slogan jihad, pengaruh ideologi neo-khawarij tersebut telah merebak ke seluruh dunia termasuk negara-negara rantau Asia Tenggara khususnya Malaysiadan Indonesia. Objektif utama kumpulan-kumpulan tersebut adalah untuk menubuhkan negara Islam dengan menggunakan pendekatan kekerasan. Rangkaian jihad tersebut berkembang dan bergerak secara global mahupun lokal dengan pelbagai nama kumpulan seperti al-Qaeda, Jamaah Islamiyah, KMM dan terbaru kumpulan Islamic State (IS) atau Dawlah Islamiyah lil Iraq wa al-Sham (Daesh). Sekiranya tidak ditangani dengan pendekatan yang tepat, ia akan terus menular dalam masyarakat Islam dan menimbulkan situasi yang tidak harmoni dalam masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat antarabangsa umumnya. Seiring aspirasi Dasar Keselamatan Negara 2017 (DKN, 2017) yang menekankan soal kedaulatan, keselamatan dan keharmonian negara Malaysia daripada ancaman pengganas, kajian ini menganalisis isu-isu fiqh jihad dalam kumpulan Daesh dengan memberikan fokus berkaitan wanita.

2.0 KONSEP EKSTREMISME AGAMA

Secara umumnya, ekstremisme merupakan “permasalahan yang sering dibentuk oleh sistem kepercayaan, doktrin atau ideologi yang telah menyimpang jauh daripada budaya masyarakat” (Willis. L.(ed.), 2011). Ia merupakan permasalahan kompleks yang memerlukan penelitian yang mendalam dalam menjustifikasikannya. Coleman dan Andera Batoli (2003) menyatakan:

“Extremism is a complex phenomenon, although its complexity is often hard to see. Most simply, it can be defined as activities (belief, attitudes, feelings, actions, strategies) of a character far removed from the ordinary”.

Huma Baqai (2011) pula mengaitkan ‘ekstremis’ dengan aktiviti keganasan. Beliau menyatakan ‘ekstremis’ adalah label yang diberikan kepada individu atau kumpulan yang menggunakan keganasan untuk memaksakan penerimaan ideologi, kepercayaan dan nilai moral mereka kepada orang lain. Nazrul Islam (2005) pula berpendapat, ‘ekstremis’ mempunyai kaitan dengan politik dan agama:

“An extremist, especially someone with strong, irrational religious or political feelings.”

Menurut Hashim Kamali, yang dimaksudkan dengan ekstremisme itu adalah tindakan melampau yang biasanya jelas dari pandangan mata manusia. Walaubagaimanapun, perlu melihat kepada konteks tindakan terlebih dahulu bagi menentukan sama ada ianya bersifat ‘ekstremisme’ ataupun tindakan yang hak. Situasi kontekstual tersebut memerlukan penilaian pakar dengan pembuktian-pembuktian yang diyakini (Hashim Kamali, 2015). Justeru itu, ekstremisme bukan sesuatu label yang mudah digunakan sewenang-wenangnya.

Dari segi istilah syariat Islam pula, ‘ghuluw’ bermaksud melampau dalam suatu perkara atau bersikap ekstrem pada satu perkara dengan melampaui batas yang telah disyariatkan oleh agama (Al-Baqarah (2): 229). Batasan agama yang dimaksudkan ialah limitasi atau pengakhiran yang dilepasi dalam perkara-perkara harus yang diperintahkan ataupun perkara yang tidak diperintahkan untuk dilakukan (Al-Gharyani, 2002). Dalam erti kata lain, ekstrem dalam beragama adalah apabila seseorang melampaui batasan dalam melakukan mana-mana perintah agama sehingga melanggar pula larangan yang juga dianjurkan oleh agama.

Pelbagai definisi yang diberikan menjelaskan memang terdapat perbezaan dalam kalangan sarjana tentang sudut perbincangan persoalan ekstremisme. Sebahagian mereka

membincangkannya daripada sudut agama, sebahagiannya pula daripada sudut politik dan ada sebahagian yang lain menggabungkan kedua-duanya, penilaian aspek teknikal, kontekstual dan pelbagai lagi sudut pandang. Secara keseluruhannya, istilah 'ekstremisme agama' merujuk kepada seseorang atau kumpulan yang mempunyai kepercayaan melampau dalam diri dan merealisasikannya melalui kaedah kekerasan dan keganasan yang melampaui batasan syarak. Atas dasar tersebut, perbincangan ekstremisme pada hari ini yang sering dikaitkan dengan keganasan, istilah-istilah seperti fundamentalisme, radikalisme, terorisme, revivalisme, militan, ghuluw dan sebagainya turut digunakan oleh para sarjana dan masyarakat bagi membincangkan persoalan hampir sama (Roslan Mohd Nor, 2015). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metode primer, manakala pendekatan kuantitatif sebagai metode sekunder. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metode primer, manakala pendekatan kuantitatif sebagai metode sekunder.

3.0 FIQH JIHAD ALIRAN EKSTREMISME AGAMA

Antara kumpulan ekstremisme agama masa kini adalah kumpulan Daesh. Mereka telah menganggap perjuangan mereka adalah sebenar-benar jihad kerana ianya bertujuan untuk menegakkan undang-undang Allah seperti yang telah diperintahkan. Secara umumnya, pegangan konsep jihad yang difahami kumpulan Daesh adalah (Muhd Imran Abd Razak et. al, 2017);

Pertama, jihad dalam Islam adalah bermaksud perang fizikal semata-mata. Islam diimani tidak akan tersebar tanpa menggunakan senjata. Oleh yang demikian, jihad menggunakan pedang atau senjata merupakan syariat Islam yang paling utama. Generasi muda Islam digalakkan untuk terlibat di dalam memerangi golongan kafir sebagai anti tesis kepada golongan Islam, yang dikatakan bakal memperoleh status mati syahid seandainya sanggup mengorbankan diri mereka dalam menakutkan golongan kafir dan menjejaskan segala kepentingan mereka. Kumpulan Daesh berikrar tidak akan berhenti dari jalan peperangan tersebut sehingga dapat mentadbir timur dan barat dunia (Dabiq 15, h. 28). Bagi kumpulan Daesh, pentafsiran maksud jihad selain jihad peperangan merupakan golongan *murji'ah* yang ingin menghapuskan kewajipan jihad (Dabiq 1, h. 35).

Kedua, jihad peperangan meliputi keseluruhan yang menentang mereka sama ada kafir asli atau umat Islam yang murtad. Abu Bakar al-Baghdadi dalam ucapannya sejurus selepas diangkat menjadi Khalifah telah menekankan keutamaan jihad peperangan sebagai tugas paling mulia umat Islam. Jihad yang dimaksudkan beliau tidak tertumpu kepada orang-orang kafir, malah diwajibkan ke atas keseluruhan pemimpin-pemimpin Islam yang dianggap zalim dan murtad kerana tidak berhubung dengan hukum Islam, menjadi tali barut kepada Yahudi dan juga musuh-musuh Islam yang lain (<http://www.youtube.com/watch?v=iZX8WwaBshs>). Justeru itu, wilayah kekuasaan mereka dianggap sebagai *dar al-Islam*, manakala selainnya adalah *dar al-kufr* yang wajib diperangi. Umat Islam diseru untuk segera berhijrah ke Daesh mereka jika masih mempunyai keimanan dalam diri (Dabiq 15, h. 28).

Ketiga, hukum menyertai jihad peperangan adalah fardhu ain bagi seluruh umat Islam. Oleh kerana itu, mereka mengajak umat Islam seluruh dunia untuk bergabung memberikan *bai'ah* kepada mereka. Implikasi negatifnya adalah seseorang individu yang bergabung dengan mereka akan menolak semua bentuk kerajaan yang sah pada hari ini. Atas dasar itu, setiap pengikut kumpulan Daesh dilihat sebagai anti kerajaan ataupun negara yang jelas mengugat kedaulatan dan keamanan negara asalnya (Douglas M. Weeks, 2013). Ini adalah kerana bagi mereka hanya ada seorang pemimpin yang wajib ditaati iaitu Abu Bakar al-Baghdadi (Seth G Jones, 2014).

Berdasarkan kefahaman tentang konsep fiqh jihad tersebut, kumpulan Daesh telah mengaku mendalangi serangan di beberapa buah negara termasuk negara umat Islam. Antara yang disebut dalam majalah terbitan mereka adalah:

- Pada 13 November 2015, kumpulan Daesh mengaku bertanggungjawab melancarkan serangan di Paris yang telah mengorbankan sekurang-kurangnya 130 orang dan mencederakan beratus-ratus yang lain. Penyerang yang bersenjata dengan senapang dan bahan letupan menyasarkan enam lokasi di seluruh bandar Paris (Dabiq 12, h. 2).
- Kumpulan Daesh mengaku bertanggungjawab meletupkan Hotel Corinthia di Tripoli, Libya yang menjadi tempat persinggahan Presiden Omar al-Hasi dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan Libya yang dianggap murtad oleh kumpulan Daesh kerana menjadi ‘anjing suruhan’ tentera Salib (Amerika dan barat) (Dabiq 7, h. 40-41). Sembilan orang terbunuh termasuk lima daripadanya warga asing iaitu seorang rakyat AS, dua rakyat Filipina, dan seorang rakyat Perancis serta Korea Selatan (BBC News, 28 Januari 2015).
- Pembunuhan Theo Van Gogh kerana mengejek Allah SWT dan Rasulullah SAW (Dabiq 7, h. 58).
- Elton Simpson dan Nadir Sufi telah menyerang majlis pertandingan melukis karikatur Rasulullah SAW (Dabiq 9, h. 5).
- Letupkan bom di Lyon (Dabiq 10, h. 3).
- Bom berani mati di Kuwait dengan menasaskan masjid puak Syiah telah membunuh 25 orang dan mencederakan ratusan yang lain (Dabiq 10, h. 3).
- Serangan rambang di pantai Sousse, Tunisia telah membunuh 37 orang (Dabiq 10, h. 3).
- Kumpulan Daesh dalam Dabiq 12 turut memuji tindakan individu-individu yang berani bertindak melancarkan serangan secara sendirian di negara masing-masing atas nama jihad. Antaranya Farhad Khalil Mohammad Jabar yang berusia 15 tahun pada 2 Oktober 2015 telah membunuh Curtis Cheng, seorang pekerja kewangan awam polis, di luar ibu pejabat Pasukan Polis New South Wales di Parramatta, Australia. Dia kemudiannya mati ditembak pihak berkuasa (Dabiq 12, h. 4).
- Pada 4 November 2015, Faisal Mohammad yang berusia 18 tahun, menikam dan mencederakan empat orang dengan pisau memburu di kampus University of California, di Merced, California. Beliau kemudiannya ditembak mati oleh pihak polis universiti.
- Selain itu, beberapa serangan lain turut dipuji antaranya yang dilakukan oleh seorang bekas kapten polis Jordan di sebuah pusat latihan di Rimon, Jordan. Serangan itu telah membunuh lima orang, iaitu 2 warga Amerika, 2 Jordan dan seorang Afrika Selatan dan banyak lagi (Dabiq 12, h. 4).

Mereka berpandangan pembunuhan dan keganasan yang dilakukan adalah tindakan yang diiktiraf dalam jihad bagi merealisasikan daulah Islamiyah. Asas kefahaman jihad yang dipegang oleh kumpulan Daesh dapat dibuktikan salah dengan beberapa hujah penting:

- i. Dalam al-Quran, perkataan ‘jihad’ ini disebut lebih daripada 40 kali dalam maksud yang umum dan khusus (Muhammad `Izzat Daruzah, 1952). Jika diperhatikan dengan teliti, kalimah berkaitan jihad yang disebut dalam al-Quran mahupun al-Hadis meliputi makna yang begitu luas kerana kebanyakan lafaz ‘jihad’ yang disebutkan dalam al-Quran membawa maksud mencurahkan tenaga dalam

menyebarkan Islam dan mempertahankan dakwahnya, bukan semata-mata berkaitan peperangan (al-Zuhaili, 1987). Selain itu, terdapat ayat-ayat al-Quran yang bersifat *makkiyyah* tentang jihad yang membuktikan istilah jihad dalam Islam bukan merujuk kepada peperangan semata-mata kerana pensyarian jihad peperangan hanya berlaku ketika umat Islam sudah berhijrah ke Madinah (al-Qaradawi, 2009). Oleh yang demikian, para ulama secara kolektifnya bersetuju terdapat pelbagai cara atau kaedah pelaksanaan jihad.

- ii. Kefahaman yang salah tentang konteks ayat-ayat al-Quran. Hal ini dapat dilihat daripada kefahaman terhadap ayat daripada surah al-Baqarah dan surah al-Taubah ayat 5. Ayat-ayat tersebut sebenarnya diturunkan dalam konteks peperangan yang *syar'i* bukan dalam konteks aman (Ibn Kathir, 1997). Saranan serangan-serangan *lone wolf* di negara-negara aman termasuk negara umat Islam adalah saranan yang jelas melampaui batas kerana melanggar larangan-larangan asasi berkaitan nyawa manusia.
- iii. Pengisytiharan jihad yang salah oleh kumpulan Daesh dengan meletakkan semua wilayah selain mereka sebagai *dar al-kufr* atau *dar al-harb*. Hal ini merupakan implikasi fahaman *takfir* yang dianut oleh mereka. Kaedah meletakkan semua negara-negara termasuk negara-negara majoriti umat Islam sebagai wilayah untuk diperangi bercanggah dengan semua perbahasan fiqh dan penjagaan Maqasid al-Syariah. Menurut al-Bouti (1991), para fuqaha didapati bersepakat atas kewajipan bagi seseorang muslim untuk berhijrah ke *dar al-Islam* daripada *dar al-kufr*. Namun, ia adalah ketika mereka dinafikan hak sebagai seorang muslim di wilayah atau negara tersebut. Hal ini adalah selari dengan penjelasan al-Qurtubi (1993) bahawa *dar al-kufr* yang dimaksudkan para ulama adalah sebuah negara yang tidak membenarkan syiar-syiar Islam diamalkan seperti solat, puasa, solat berjemaah, azan dan lain-lain syiar yang bersifat zahir. Justeru itu, perbahasan tentang *dar al-kufr* boleh diperhatikan semula dalam konteks negara bukan Islam yang menjamin amalan beragama bagi umat Islam yang menetap di sana.
- iv. Para fuqaha bersepakat tentang hukum fardhu `ain bagi muslim menyertai jihad peperangan dalam mempertahankan diri jika negara mereka diserang. Namun, bagi jihad peperangan berbentuk ofensif seperti yang dianjurkan kumpulan Daesh, berlaku perbezaan pendapat dalam menghukumnya sama ada sunat, fardhu kifayah ataupun `ain. Majoriti ulama mengatakan ianya hanya fardhu kifayah dan tergantung kepada arahan daripada pemerintah yang berautoriti. Walaubagaimanapun, perbahasan hukum tersebut adalah berdasarkan realiti manusia dan umat Islam pada dahulu yang hidup dalam suasana peperangan.
- v. Oleh kerana kumpulan Daesh sendiri bukan merupakan pemerintah yang diiktiraf oleh mana-mana sistem, sesetengah sarjana Islam berpendapat tindakan mereka lebih tepat dikatakan sebagai *bughab* kerana ianya zalim hingga sanggup menakutkan dan membunuh orang awam yang tidak berdosa (Khairunnisa Rajab, 2010).

Kefahaman asas kumpulan Daesh tentang jihad tersebut jelas menyeleweng daripada ajaran Islam dan hanya memikirkan tentang matlamat perjuangan mereka semata-mata. Fakta-fakta yang dibentangkan tersebut menunjukkan bahawa ianya menepati ciri-ciri ekstremisme yang dibahaskan sebelum ini. Justeru itu, label 'ekstremisme agama' yang dipakaikan kepada mereka memang mempunyai justifikasi hukum yang kuat.

4.0 PENGENALAN PENGLIBATAN WANITA DALAM KUMPULAN EKSTREMISME AGAMA

Kemunculan kumpulan-kumpulan pengganas yang membawa aliran ekstremisme agama kini menjadi ancaman lokal dan global. Penglibatan wanita dengan kumpulan ekstremisme agama boleh dilihat daripada dua sudut utama, iaitu sama ada menjadi ahli kumpulan tersebut atau menjadi mangsa fahaman ekstremisme agama yang dianut kumpulan Daesh. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan perbincangan daripada sudut penglibatan sebagai ahli kumpulan yang berkait rapat dengan fahaman mereka berkenaan fiqh jihad.

Merujuk statistik daripada kajian yang dilakukan pengkaji sebelum ini, penglibatan wanita dalam kumpulan Daesh pada tahun 2015 dianggarkan sekitar 30% daripada jumlah keseluruhan kekuatan anggota Daesh (Speckhard, 2015). Jumlah itu kemudiannya dilihat sejajar pada tahun 2016 (Bibi Van Ginkel & Eva Entenmann, 2016). Walau bagaimanapun, yang dilakukan oleh Australian Strategic Policy Institute pada 2017 menyatakan anggaran jumlah wanita yang terlibat dalam kumpulan Daesh adalah seramai 6,200 orang daripada 31, 000 atau sekitar 20% daripada jumlah keseluruhan pejuang kumpulan Daesh (Sofea Patel, 2017). Jumlah penglibatan yang besar dalam kumpulan ekstremis seperti ISIS pernah dikatakan sebagai fenomena baru dalam dunia khususnya dunia barat (Edwin Bakker & Seran de Leede, 2015). Keadaan ini dikenalpasti berpunca daripada kemudahan penyebaran ideologi dan propaganda melalui internet yang menggunakan strategi-strategi tertentu secara sistematik (Mah Rukh-Ali, 2015).

Jadual 1, 2 dan 3 berikut merupakan data rasmi yang diberikan oleh Penolong Pengarah Anti Pengganas, Cawangan Khas (E8), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay kepada pengkaji dalam sesi temu bual pada 16 Julai 2018:

Jadual 1: Statistik tangkapan wanita berkaitan kumpulan IS di Malaysia

Tahun	Tangkapan
2013	2 orang
2014	14 orang
2015	8 orang
2016	10 orang
2017	5 orang
2018	4 orang
Jumlah	43 orang

Sumber: PDRM

Jadual 2: Pecahan tindakan terhadap tangkapan wanita

Tahun	Tangkapan
Didakwa	13 orang
POCA	6 orang
POTA	1 orang
Diusir	9 orang
Dibebaskan	13 orang
Lain-lain	1 orang

Sumber: PDRM

Jadual 3: Pecahan tangkapan wanita mengikut warganegara

Warganegara	Tangkapan
Malaysia	32 orang
Warga Asing	11 orang

Sumber: PDRM

Merujuk penglibatan warga Malaysia di Syria pula, data statistik yang dikeluarkan oleh Malaysia Research Institute of Strategic Studies (MyRISS) seperti yang diterbitkan pada Mei 2017 melaporkan, seramai 53 orang warga Malaysia menjadi ahli kumpulan IS, yang melibatkan 12 orang wanita, 17 kanak-kanak dan 24 orang lelaki. Data tersebut dilihat masih selari dengan data yang disahkan oleh PDRM sehingga 26 Februari 2018 (PDRM, 2018).

4.1 Peranan Wanita Dalam Kumpulan Daesh

Menurut Katharina Kneip (2016), dalam wilayah yang dikuasai kumpulan Daesh, pejuang-pejuang wanita mereka hanya mengangkat senjata ketika keadaan memaksa mereka, berbeza peranan seperti wanita-wanita Daesh di wilayah-wilayah lain. Elizabeth Pooley (2015) menjelaskan, peranan wanita dalam Daesh adalah mengikut kebolehan dan keupayaan mereka. Wanita-wanita asing yang mempunyai kebolehan menggunakan internet misalnya, dikehendaki untuk menyebarkan propaganda dan merekrut pejuang-pejuang baru menggunakan media sosial. Manakala wanita-wanita tempatan, hidup secara tradisi mengikut budaya setempat. Wanita-wanita Daesh juga dikatakan berperanan di sektor-sektor awam seperti sektor perubatan, percukaian dan pendidikan. Perkembangan ini dilihat sedikit berbeza dengan pendekatan kumpulan ekstremis terdahulu yang kurang terbuka dalam soal pekerjaan wanita (Doost, 2016). Namun, apa yang jelas, peranan pejuang wanita Daesh adalah berbeza mengikut latar belakang individu dan juga keadaan. Pada asasnya kesemua peranan tersebut dilihat tidak melibatkan aktiviti perjuangan menentang musuh mereka. Walau bagaimanapun sejak tahun 2016, Briged al-Khansa yang merupakan sayap wanita

kumpulan Daesh yang biasanya berperanan menjaga aspek sosial dilaporkan sudah mula aktif terlibat dalam aktiviti kombat (Spencer, 2016). Lebih 1000 pejuang wanita dilaporkan terlibat di barisan depan bersama lelaki dalam pertempuran di Sabratha, Libya (Doost, 2016).

Penglibatan wanita Daesh dengan aktiviti mengangkat senjata sebenarnya bukanlah perkara yang mengejutkan kerana dalam majalah Dabiq sendiri mereka menggalakkan serangan-serangan *lone wolf* dilakukan di negara-negara *dar al-kufr* dengan memuji serta mengiktiraf wanita yang melakukannya (Dabiq 13, h. 3). Kumpulan sekutu mereka seperti Boko Haram juga terkenal dalam mengeksploitasi wanita secara aktif sebagai pengebom berani mati (Anaedozie, 2016). Perkembangan di Indonesia memperlihatkan pada 13 dan 14 Mei 2018 pula, berlaku tiga serangan bom di Surabaya, Indonesia melibatkan sebuah keluarga termasuk isteri dan dua orang anak kecil mereka (Abi Sarwanto, 2018). Perkembangan terkini di Malaysia menunjukkan, seorang wanita berusia 51 tahun telah ditahan oleh PDRM kerana disyaki merancang serangan bom terhadap pengundi berbangsa Cina pada hari pengundian Pilihanraya Umum ke-14. Beliau yang dipercayai sebagai ketua Sel kumpulan IS turut berperanan merekrut anggota baru wanita dan lelaki melalui Facebook dan Whatsap (Ayob Khan, 2018). Perkembangan tersebut membuktikan *trend* baru penglibatan wanita secara aktif dalam melakukan serangan-serangan bom di luar wilayah konflik.

Ironinya majalah Dabiq juga menjelaskan hukum berjihad mengangkat senjata adalah berdasarkan hukum yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh klasik, iaitu tidak menjadi kewajipan bagi kaum wanita untuk mengangkat senjata melainkan mempertahankan diri daripada diserang musuh (Dabiq 11, h. 41). Hukum ini adalah berdasarkan keadaan fizikal serta fitrah wanita yang lemah berbanding kaum lelaki. Oleh kerana kekurangan aspek fizikal tersebut, wanita-wanita dijelaskan mempunyai peranan lain selain mengangkat senjata iaitu melahirkan pejuang-pejuang baru Daesh. Dalam erti kata lain, wanita berperanan secara domestik sebagai suri rumah tangga yang menguruskan soal-soal yang berkaitan anak untuk dilatih menjadi pejuang Daesh di masa depan (Dabiq 11, h. 44). Pendirian dan tindakan yang berbeza-beza dengan hukum yang dijelaskan sendiri oleh mereka memperlihatkan sikap mereka yang tidak konsisten dan selektif terhadap hukum mengikut situasi semasa yang mereka hadapi.

5.0 ANALISIS ISU-ISU HUKUM BERKAITAN WANITA DALAM FIQH JIHAD ALIRAN EKSTREMISME AGAMA

Isu-isu hukum berkaitan wanita yang disentuh dalam kajian ini hanya meliputi hukum wanita mengangkat senjata dan jihad nikah. Isu-isu lain turut dibincangkan oleh pengkaji dalam kertas kajian berbeza.

5.1 Mengangkat Senjata

Secara umumnya dalam fiqh jihad Islam, kaum wanita mempunyai peranan dalam jihad yang berbeza daripada kaum lelaki. Ini adalah kerana peperangan memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi berbeza dengan sifat semulajadi wanita yang secara amnya bersifat lemah lembut dan kasih sayang. Sifat unik yang dikurniakan Allah SWT yang Maha Adil terhadap wanita tersebut menjadi sandaran bahawa jihad peperangan adalah tugas dan kewajipan bagi kaum lelaki. Walau bagaimanapun, hakikat tersebut tidaklah bermaksud meniadakan sumbangan yang mampu diberikan oleh para wanita dalam peperangan. Merujuk sejarah awal Islam, kaum wanita telah memainkan peranan yang pelbagai dalam situasi peperangan. Ia boleh dilihat melalui fakta-fakta berikut:

- i. Wanita berperanan sebagai pembantu menyediakan keperluan makanan dan minuman. Contohnya dapat dilihat daripada Hadis Anas bin Malik yang bermaksud: “*Aku melihat Aisyah binti Abu Bakar dan Ummul Sulaim begitu sibuk melayani pasukan Islam itu. Dengan langkah yang cepat, mereka membawa bekas air di bahagian belakang mereka bagi diberikan minuman kepada pasukan Islam. Selepas itu, mereka mengisik lagi bekas tersebut dan datang lagi memberikan minuman seinggalah bekas tersebut kosong*” (HR al-Bukhari, no. hadis: 2880).
- ii. Wanita berperanan merawat luka para pejuang Islam. Contohnya dapat dilihat daripada hadis Ibnu Abbas yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW berperang bersama-sama kaum wanita dan mereka berperanan mengubati pasukan Islam yang terluka (HR Muslim, no. hadis: 1812).
- iii. Wanita berperanan mengangkat senjata bersama kaum lelaki. Contohnya dapat dilihat daripada hadis yang terdapat dalam Sahih Muslim yang menyatakan Ummul Sulaim membawa pedang ketika Perang Hunain. Ummul Sulaim dilaporkan berkata: “*Ketika itu aku membawa pisau besar dan sekiranya ada seorang musyrik yang mendekati, aku akan belah perutnya dengan pisauku*” (Muslim, no. 1809). Ia juga boleh dilihat dalam hadis riwayat tentang Safiyah binti Abdul Mutallib yang membunuh seorang Yahudi ketika Perang Khandak sehingga Hassan bin Thabit pun berasa takut kepadanya. Safiyah dikatakan sebagai wanita pertama yang berjaya membunuh orang musyrik (al-`Asqalani, t.t.).
- iv. Wanita berperanan meniup semangat atau memerikan motivasi bagi kaum lelaki. Contohnya dapat dilihat hadis berkaitan syair yang dialunkan oleh para wanita mukmin ketika Perang Uhud (al-Qaradawi, 2009).

Fakta-fakta tersebut disokong oleh banyak lagi hadis-hadis yang menceritakan hal yang sama. Ini menunjukkan kaum wanita telah memainkan peranan yang pelbagai dalam konteks jihad peperangan. Al-Qaradawi dalam mengulas hadis-hadis yang berkaitan pula berpendapat, walaupun peranan wanita yang dicatatkan oleh sejarah adalah pelbagai, kedudukan dan peranan mereka dalam peperangan adalah berdasarkan pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah*. Wanita hanya dibenarkan untuk menyertai peperangan apabila pertimbangan *maslahah* lebih besar daripada *mafsadah* yang bakal timbul (al-Qaradawi, 2009).

Sehubungan itu, para fuqaha seperti al-Kasani (2003), al-Dusuki (t.t.), al-Nawawi (t.t.) dan Ibn Qudamah (1997) meletakkan syarat wajib jihad hanyalah bagi kaum lelaki. Kaum wanita tidak diwajibkan untuk sama-sama berjihad berdasarkan hakikat fizikal kaum lelaki yang lebih gagah dan kuat. Para fuqaha berhujah dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan jihad wanita adalah mengerjakan haji dan umrah (HR al-Bukhari, no. hadis: 1762). Walau bagaimanapun, kaum wanita tidaklah dihalang jika ingin menyertai jihad dengan menyumbangkan tenaga dan kepakaran mereka yang bersesuaian. Mereka juga dibolehkan untuk mengangkat senjata jika berkeupayaan seperti yang telah dicatatkan dalam sejarah wanita-wanita yang berperang bersama-sama Rasulullah SAW pada masa dahulu (Hasan Ayub, 2003). Ini bermaksud, wanita tidak diwajibkan berjihad tetapi tidak juga dihalang, bergantung kepada keadaan wanita dan perang yang disertai oleh kaum muslimin.

Merujuk secara khusus isu penglibatan wanita dalam kumpulan Daesh, hasil analisis mendapati, golongan wanita dalam kumpulan Daesh memainkan peranan pelbagai mengikut tempat dan situasi termasuk terlibat dalam perang kombatan, melakukan serangan bom berani mati dan juga *lone wolf*. Tegasnya, penglibatan aktif wanita dalam mengangkat senjata tersebut bukanlah

sesuatu yang bertepatan dengan syariat atau kefahaman fiqh berdasarkan hujah-hujah berikut (Muhd Imran Abd Razak et. al, 2018):

- i. Ideologi dan perjuangan kumpulan Daesh itu sendiri bersifat melampau yang tidak berasaskan ajaran agama Islam sebenar, undang-undang dunia dan norma kemanusiaan. Hal ini didasarkan hakikat perang yang disertai oleh kumpulan Daesh adalah perang yang tidak jelas statusnya dari segi matlamat, musuh dan juga punca.
- ii. Penglibatan wanita dalam aktiviti kombat bukanlah atas dasar kemahiran, kepakaran dan pertimbangan *maslahah* tetapi atas dasar keterpaksaan.
- iii. Aktiviti *lone wolf* yang menyasarkan orang awam di Eropah dan negara-negara lain adalah suatu pilihan yang disengajakan, bukan kaedah terakhir dalam usaha jihad. Pembunuhan orang awam yang tidak terlibat secara langsung dalam memusuhi Islam disepakati pengharamannya oleh para ulama dengan dalil-dalil yang sah.
- iv. Orang Islam yang memasuki negara kafir harbi sekalipun, dia terikat dengan perjanjian perlindungan di negara terbabit dan tidak boleh mengkhianatinya (al-Zuhaily, 1998).
- v. Penyertaan dalam peperangan dengan kekuatan pihak musuh berlipat kali ganda dan secara jelas akan menjejaskan keselamatan jiwa ramai umat Islam adalah disarankan supaya dielakkan demi masalah jangka masa panjang (al-Buti, 1991).

Kesimpulannya, hukum wanita mengangkat senjata di era moden memang dibenarkan oleh syarak dengan syarat-syarat yang tertentu. Islam tidak melarang penglibatan wanita dalam kancan peperangan secara mutlak, namun tidak juga membenarkan secara mutlak tanpa disiplin penjagaan *maslahah* wanita muslimah itu sendiri. Tuntasnya, peranan wanita Daesh dalam mengangkat senjata tetap tidak bertepatan dengan syariat kerana ideologi melampau yang dipegang, asas perjuangan mereka yang tidak diiktiraf disamping tiada latihan ketenteraan signifikan bagi wanita untuk ke medan perang.

5.2 Jihad Nikah

Sepanjang penelitian kajian ini, pengkaji belum menemui istilah 'Jihad al-Nikah' dalam mana-mana kitab fiqh yang membahaskan tentang jihad ataupun nikah. Penggunaan istilah tersebut menjadi popular di media massa selepas dikatakan seorang ulama daripada Arab Saudi menulis di akaun Twitter beliau supaya wanita-wanita muslimah membantu pejuang-pejuang di Syria dengan cara melakukan jihad nikah (<http://www.alterinfo.net>). Ia kemudiannya telah dijadikan istilah bagi merujuk perbuatan wanita-wanita yang pergi ke Syria untuk menyertai kumpulan Daesh untuk tempoh tertentu bagi memuaskan nafsu pejuang-pejuang mereka. Namun begitu, pengkaji mendapati istilah jihad nikah tersebut sebenarnya merujuk kepada perbuatan wanita-wanita asing yang berhijrah untuk mengahwini mana-mana pejuang Daesh di wilayah konflik. Ia bukan bermaksud kumpulan Daesh mengamalkan nikah secara kontrak kerana tiada bukti jelas dalam majalah Dabiq atau mana-mana ucapan pemimpin kumpulan berkenaan tentang keharusan atau galakan terhadap perkara tersebut. Tambahan pula, kumpulan Daesh adalah kumpulan yang beraliran ekstremisme Sunni yang kuat berpegang kepada dalil-dalil al-Quran dan Hadis secara literal.

Bagi perbincangan lanjut, jika kita merujuk makna istilah jihad nikah seperti difahami media dan pengkaji barat, dalam istilah fiqh ia menepati maksud *Nikah Mut'ah*. Secara literal mut'ah yang berasal daripada perkataan *متع يمتع متعة* mempunyai pelbagai makna seperti manfaat, bersenang-

senang, menikmati dan bekal (Al-Damaghany, 1985). Secara istilah pula, mut'ah bermaksud seorang lelaki menikahi seorang wanita dengan memberikan sejumlah harta tertentu untuk tempoh waktu tertentu, pernikahan ini akan berakhir bertepatan tempoh waktu yang telah ditentukan tanpa perlu menjatuhkan talak serta tanpa kewajiban memberi nafkah atau tempat tinggal dan tanpa saling mewarisi antara keduanya jika meninggal dunia sebelum berakhirnya tempoh nikah mut'ah itu al-Nawawi (1994) & al-Sabuni (1996). Secara umumnya para ulama Sunni empat mazhab telah bersepakat tentang pengharaman nikah mut'ah walaupun ia pernah diperakui keharusannya oleh Rasulullah SAW suatu masa dahulu (al-Qurtubi, 2006).

Berdasarkan hakikat tersebut, sebarang perbuatan nikah secara kontrak atau mut'ah oleh seseorang penganut Sunni adalah bersalahan dengan kefahaman para fuqaha bermazhab Sunni. Seperti yang sedia maklum, nikah mut'ah hanya dibenarkan dalam ajaran mazhab Syiah (al-Baghdadi, 1413H). Selain itu, dalam majalah Dabiq juga terdapat satu ruangan khas tentang *ibdad* yang secara jelas menunjukkan kumpulan Daesh memang berhujah dengan kefahaman mazhab Sunni dalam prinsip asas perkahwinan (Dabiq 13). Justeru itu, pengkaji cenderung untuk mengatakan istilah jihad nikah oleh sesetengah pihak telah disalah ertikan. Ia jelas bukan bermaksud nikah secara kontrak tetapi merujuk kepada perkahwinan wanita-wanita asing dengan pejuang-pejuang Daesh.

Hasil kajian mendapati, perkahwinan merupakan salah satu faktor paling utama penyertaan golongan wanita ke dalam aliran ekstremisme agama khususnya kumpulan Daesh (Muhd Imran Abd Razak et. al, 2018). Hal ini dapat dilihat daripada fakta-fakta penglibatan wanita tempatan ataupun wanita daripada negara barat yang hampir kesemuanya menunjukkan suatu hasrat, iaitu berkeinginan ataupun telah menjadi isteri kepada pejuang-pejuang Daesh (Saltman, 2016). Namun, penglibatan wanita atas faktor perkahwinan bukanlah sesuatu yang menghairankan memandangkan tujuan utama kumpulan Daesh memerlukan sokongan wanita adalah untuk menjadi isteri, seterusnya ibu yang melahirkan lebih ramai anggota kumpulan tersebut di masa depan (Strommen, 2017). Penglibatan golongan wanita atas faktor perkahwinan adalah berpunca daripada beberapa perkara berikut (Muhd Imran Abd Razak, 2018):

- i. Status asal sebagai isteri kepada lelaki yang menjadi pejuang Daesh. Melihat kepada kajian pihak berkuasa negara Jerman, jumlah perlibatan individu yang sudah berkahwin adalah sekitar 57%. Mereka ini hampir kesemuanya merupakan isteri-isteri kepada golongan lelaki yang turut ingin sama-sama berlepas ke Syria (ICSR, 2016).
- ii. Terpengaruh dengan ideologi ekstremisme. Boleh dikatakan kesemua wanita yang terlibat dengan Daesh berpegang kepada ideologi ekstremisme yang sama seperti kefahaman jihad, nikah dan hijrah. Contohnya dapat dilihat dalam kes Syamimi Faiqah Sulaiman (Zamihan Mat Zin, 2017).
- iii. Percintaan yang berlaku antara seseorang wanita dengan ahli kumpulan Daesh. Hal ini dapat dilihat seperti kes Ummi Kalsom Bahak yang dilaporkan merancang untuk berkahwin dengan Aqief Huessin yang merupakan pejuang Daesh di sana (Utusan Malaysia, 2014). Begitu juga kes lain seperti Shams (Haider Yutim, 2014) yang turut ingin melakukan perkara sama kerana hubungan cinta yang sudah terjalin antara mereka.
- iv. Terpengaruh propaganda media sosial yang menawarkan kehidupan serba indah di 'Negara Islam' kumpulan Daesh, termasuk menjadi isteri kepada pejuang-pejuang yang mempunyai wajah yang tampan dan menarik (Haras Rafiq & Nikita Malik, 2015; Ayob Khan, 2018).

- v. Terpengaruh dengan bahan bacaan ekstremisme. Contoh bagi hal ini dapat dilihat daripada kes Siti Noor Aishah yang dijatuhi hukuman penjara lima tahun, selepas didapati bersalah memiliki 12 buah buku berkaitan kumpulan pengganas. Siti Noor Aishah dilaporkan telah merancang untuk pergi ke Syria menyertai kumpulan Daesh bersama seorang lelaki yang ingin dikahwininya (Zamihan Mat Zin, 2017).

Merujuk tindakan wanita-wanita asing yang berhijrah demi menyokong perjuangan kumpulan Daesh, ia adalah berkait rapat dengan konsep hijrah yang difahami oleh mereka. Konsep hijrah yang dianjurkan mereka dengan berhujahkan dalil-dalil syarak terpilih difahami sebagai wajib iaitu penghijrahan daripada *Dar al-Kufr* kepada *Dar al-Islam*. Konsep hijrah yang difahami mereka ini boleh dibuktikan sebagai suatu kefahaman yang salah dengan hujah-hujah berikut (Muhs Imran Abd Razak, 2018):

- i. Istilah *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harb* sememangnya terdapat dalam kitab-kitab fiqh yang menunjukkan tentang negara Islam atau *Daulah Islamiyyah*. Begitupun, para ulama berselisih pendapat dalam menerima konsep tersebut dalam konteks semasa. Wahbah al-Zuhaili (1998) dalam kitabnya *Atharu al-Harb fi al-Fiqh al-Islami* menyatakan pembahagian tipologi tersebut bukan bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah tetapi ianya adalah kerana faktor realiti pada masa silam. Pendapat yang sama turut dipegang oleh Muhammad Abu Zuhrah, `Abd al-Wahhab al-Khallaf dan lain-lain (al-Qaradawi, 2009).
- ii. Penggunaan dalil-dalil berkaitan peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat secara batil. Metod kumpulan Daesh dalam majalah Dabiq yang menjadikan dalil-dalil tentang kewajipan hijrah adalah batil kerana ianya tidak difahami secara kolektif dan tidak berpijak di alam realiti. Secara kolektif, dalil-dalil pensyariaan jihad adalah kerana pada waktu tersebut hanya terdapat satu negara Islam iaitu negara Islam Madinah. Orang-orang Islam yang tidak berhijrah pada tersebut akan disiksa oleh orang-orang kafir di tempat asal mereka dan tidak boleh melaksanakan ajaran Islam dengan bebas (al-Zuhaili, 1998). Buktinya, Rasulullah SAW sendiri telah bersabda tiada lagi hijrah fizikal yang diwajibkan selepas berlakunya peristiwa pembukaan Mekah (HR Muslim, no. hadis: 13523).
- iii. Realiti dunia hari ini yang mempunyai sempadan dan status warganegara. Akibat tidak memahami dan mengabaikan realiti, pelbagai undang-undang negara dan antarabangsa yang telah dimaterai dan diperakui telah dilanggar, sedangkan melanggar perjanjian merupakan suatu kesalahan besar dalam Islam walaupun perjanjian itu dibuat dengan orang bukan Islam (al-Zuhaili, 1998). Lebih parah, ia juga bakal menyebabkan kemudaratan yang lebih besar kepada wanita terlibat seperti ditahan di negara asing, dipenjara, dibuang negeri dan sebagainya.
- iv. Gesaan meninggalkan suami jika sudah berkahwin atau meninggalkan ibu bapa jika belum adalah seruan yang tidak menepati kehendak syariat yang memerintahkan berbuat baik kepada ibu bapa dan patuh kepada suami.

Dapat dirumuskan bahawa seruan kepada para wanita Islam sedunia untuk berhijrah ke wilayah kekuasaan mereka adalah jelas satu seruan yang batil. Jika hijrah tersebut merupakan sesuatu yang batil, secara langsung tiada istilah 'jihad' yang boleh dikaitkan dengan tindakan berkahwin dengan pejuang-pejuang Daesh. Tindakan mereka boleh ditakrifkan sebagai terpedaya dengan istilah jihad dan perkahwinan yang ditawarkan. Walaupun status hukum perkahwinan tersebut adalah sah jika menepati syarat-syarat sah dan rukun perkahwinan dalam Islam, perkahwinan yang secara jelasnya akan mendatangkan kemudaratan yang lebih besar kepada

golongan wanita adalah diharamkan kerana tujuan perkahwinan adalah untuk mendatangkan kebahagiaan dan ketenangan bukan penganiyaan dan kemudaratan.

6.0 KESIMPULAN

Statistik dan fakta telah menunjukkan golongan wanita termasuk wanita Malaysia memainkan peranan yang tersendiri dalam kumpulan Daesh. Dengan medium penyebaran maklumat dan komunikasi yang lebih mudah, hujah-hujah agama seperti 'jihad', 'nikah' dan 'hijrah telah dijadikan alat untuk merekrut ahli baru kalangan wanita dengan modus operandi tertentu. Pada hakikatnya, hukum Islam begitu menjaga dan memelihara kemuliaan serta maruah wanita selari dengan mesej pengutusan Nabi Muhammad SAW dan fitrah wanita itu sendiri. Namun situasi ini bersifat kontradik dalam pentafsiran hukum fiqh jihad aliran ekstremisme agama, khususnya Daesh yang bersifat keras dan lebih kepada 'matlamat menghalalkan cara'. Dalam isu wanita mengangkat, pentafsiran hukum yang bercanggah dengan maksud jihad, syarat-syarat peperangan dalam Islam serta tanpa pertimbangan *maslahah* wanita adalah jelas melampaui batasan. Begitu juga dalam isu jihad nikah, ia jelas meletakkan motivasi seksual sebagai asas penghijrahan dan perjuangan wanita. Kefahaman fiqh jihad yang menyeleweng ini jika tidak ditangani akan terus menjerat mangsa kalangan wanita menjadi eksploitasi seksual dan diskriminasi tanpa disedari mereka. Sejar dengan itu, aliran ekstremisme ada perlu ditangani dengan tuntas agar kaum wanita terpelihara di samping masyarakat manusia dapat hidup dalam ekosistem yang aman lagi harmoni di samping misi agama Islam sebagai *rahmatan li al-alamin* dapat direalisasikan.

Penghargaan

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS FP031-2016, "Pembinaan Model Wasatiyyah dalam Menangani Gejala Ekstremisme Agama di Malaysia" yang dianugerahkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kajian kedoktoran bertajuk "Isu-isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia" daripada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (APIUM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM dan APIUM di atas penganugerahan geran dan kerjasama sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

Rujukan

- Al-Asqalani, Ahmad `Ali ibn Hajar (t.t.). *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Jil. 4. T.tmp: Maktabah Salafiyah.
- Al-Buti, Sayyid Muhammad Ramadan (1991). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asir.
- Al-Damaghany, Husaini Muhammad (1985). *Qamus al-Quran `an Isbah al-Wujub wa al-Nazhair fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-`Ilm.
- Al-Dusuki, Syam al-Din Syiekh Muhammad `Arfah (t.t.). *Hasyiah al-Dusuki `ala Syarh al-Kabir*. Jil. 2. T.tmp: Tiba` Badan Ihya' al-Kutub al-`Arabiyah.
- Al-Ghariyani, Al-Sadiq `Abd al-Rahman (2002). *Zawahir min Ghulw al-Tatarruf wa Ghulw al-Tasammuf*. Kaheerah: Dar al-Salam.
- Al-Kasani, `Alauddin Abu Bakar (2003). *Badai` al-Sana' fi tartib al-Syarai`*. Jil. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariya Yahya (t.t.). *al-Majmu` Syarh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Jil. 19. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

- Al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariya Yahya (1994), *Syarh Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Jil 9. T.tmt.: Muassasah Qurtubah.
- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li abkamibi wa falsafatibi fi daw al-Quran wa al-Sunnah*. Jil. 1 & 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Ahmad (1993). *al-Jami` li Abkam al-Quran*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Ahmad (2006). *al-Jami` li Abkam al-Quran*, Jil. 15. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sobuni, Muhammad `Ali (1996). *Rawa`i` al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Abkam min al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah (1987). *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhailiy, Wahbah (1998). *Atharu al-Harb fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaranah*. Cet. 3. Damsyik: Dar al-Fikir.
- Abi Sarwanto, (2018) “Polisi Sebut Keluarga Terduga Pelaku Bom Surabaya Sel Pasif”, *CNN Indonesia*, 15 Mei 2018, <https://www.cnnindonesia.com/nasional/20180515142030-20-298360/polisi-sebut-keluarga-terduga-pelaku-bom-surabaya-sel-pasif>. Access date: 27 Julai 2018
- Anaodozie, F. (2016). “Has the Emergence of Female Suicide Bombers in Nigeria Depicted the Exploitation of Feminine Vulnerability? A Critical Appraisal of Boko Haram’s Female Suicide Bombers in Nigeria”. Dlm. *International Journal Of Innovative Research & Development*, 8(3), 224-225.
- Ayob Khan Mydin Pitchay, temu bual, 16 Julai 2018.
- Bibi Van Ginkel and Eva Entenmann (Eds) (2016). *The Foreign Fighters Phenomenon in the European Union: Profiles, Threats & Policies*. The Hague: ICCT.
- Coleman, T. & Bartoli, Andrea (2003). *Addressing Extremism*. International Center for Cooperation & conflict Resolution, Columbia University.
- Dasar Keselamatan Negara 2017, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.
- Doost, H. K. (2016). “Women of The Islamic State: The Evolving Role of Women in Jihad”. Dlm. *A Journal of the International Centre for Political Violence and Terrorism Research Center for Security Studies*. Vol. 8 (9). S. Rajaratnam School Of International Affairs (Rsis), Singapore, hh. 23-24.
- Edwin Bakker & Seran de Leede (2015). *European Female Jihadists in Syria: Exploring an Under-Researched Topic*. The Hague: International Centre for Counter-Terrorism.
- Elizabeth Pooley (2015). *A New Sisterhood: The Allure of ISIS in Syria For Young Muslim Women in the UK*. Disertasi Sarjana. Arizona State University, USA.
- Haras Rafiq & Nikita Malik (2015). *Caliphettes: Women and the Appeal of Islamic State*. Quilliam Foundation.
- Hassan Ayub (2003). *Fiqh al-Jihad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Haider Yutim, “Kita bertemu di Jannah"-Cinta jihad ‘wanita Malaysia’ dengan pejuang ISIS”, *Astro Awani*, 19 September 2014, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kita-bertemu-di-jannah-cinta-jihad-wanita-malaysia-dengan-pejuang-isis-44220>. Access date: 30 Julai 2018
- Huma Baqai (2011). “Extremism and Fundamentalism: Linkages to Terrorism Pakistan’s Perspective”. Dlm. *International Journal of Humanities and Social Science*, State University Drive, Los Angeles, 1(6), 242.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Ismail `Umar (1997). *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah li al-Nasyar wa al-Tauzi`.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad `Abdullah Ahmad (1997). *al-Mughniy*. Jil. 13. Cet. 3. Riyadh: Dar `Alim al-Kutb.
- Kamaruddin (2008). “Jihad dalam Perspektif Hadis”. Dlm. *Jurnal Hunafa*. 5(1), 105-107.

- Katharina Kneip (2016). "Female Jihad – Women in the ISIS". Dlm. *POLITICON the LAPSS Academic Journal*, 29, 91. The International Association for Political Science Students, USA.
- Khairunnas Rajab (2010). "Keganasan: Telaah Terhadap Konsep Jihad Fi Sabillah". Dlm. *Jurnal Syariah*. 18(3), 603-628.
- Liebman, Charles S. (1983). *Exstremism as a Religious Norm*. Indianapolis: Society for the Scientific of Reiligon.
- Mah Rukh-Ali (2015). *ISIS and Propaganda: How ISIS Exploits Women*. Reuters Institute for the Study of Journalism, University of Oxford.
- Mohammad Hashim Kamali (2015). "Extremism, Terrorism And Islam: Historical And Contemporary Perspectives". Dlm. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*. 6(2), IAIS, 148.
- Muhammad `Izzat Daruzah (1952). *al-Dustur al-Qurani fi Syuun al-Hayat*. Kaherah: al-Halabi.
- Muhd Imran Abd Razak et. al (2017). "Application of Maqasid al-Shari'ah In Evaluating Fiqh Jihad of Religious Extremism". Dlm. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*. 10(6), 2454-2472.
- Muhd Imran Abd Razak et. al (2018). "Pendekatan Fiqh Anti Keganasan Wanita: Analisis Terhadap Realiti Penglibatan Wanita Malaysia". Dlm. *Proceeding 3rd. International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*. Association of Malaysian Researchers and Social Services (AMRASS).
- Muhd Imran Abd Razak (2018). *Isu-isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nazrul Islam (2005). *Islam 9/11 and Global Terrorism: A Study of Perceptions and Solutions*. New Delhi: Viva Books Private Limited.
- Polis Diraja Malaysia, *Statistik Berkaitan Penglibatan Warga Tempatan dan Asing dalam Aktivit Keganasan Melibatkan Kumpulan Militan Daesh*, 26 Februari 2018.
- Roslan Mohd Nor (2015). "Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun". Dlm. *Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, 144-149.
- Saltman, E. M. (2016). "Western Female Migrants to ISIS: Propaganda, Radicalation and Recruitment". Dlm. Majed Khader et.al, *Combating Violent Extremism and Radicalization in the Digital Era*. USA: Information Science Reference.
- Sofia Patel (2017). *The Sultanate of Women: Exploring female roles in perpetrating and preventing violent extremism*, Australian Strategic Policy Institute. <https://www.aspi.org.au/publications/the-sultanate-of-womenexploring-female-roles-in-perpetrating-and-preventing-violent-extremism>. Dilayari pada 25 Ogos 2017.
- Speckhard, Anne (2015). *Female Terrorist in ISIS, Al-Qaeda and 21rst Century*. Kertas Kerja Persidangan The Mind of a Jihadist. Abu Dhabi, UAE. Mei 2015.
- Spencer, Amanda N. (2016). "The Hidden Face of Terrorism: An Analysis of the Women in Islamic Stateh". Dlm. *Journal of Strategic Security* 9. No.3, Henley-Putnam University, South Florida.
- Strommen, E.E.J. (2017). *Jibadi Brides or Female Foreign Fighters? Women in Da'esh – from Recruitment to Sentencing*. PRIO Center of Gender, Peace and Security.
- Willis. L.(ed.) (2011). *Extremism*. New York: Greenhaven Press.
- Zamihan Mat Zin, temu bual, 4 Disember 2017.
- "Wanita dihadap ke Mahkamah", *Utusan Malaysia*, 31 Oktober 2014, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/wanita-dihadap-8232-ke-mahkamah-1.19347>. (<http://www.alterinfo.net>). Dilayari pada 1 Jun 2017.
- <http://www.youtube.com/watch?v=iZX8WwaBshs>. Dilayari pada 1 Jun 2017.

- <http://www.youtube.com/watch?v=UOXmTTUjrsk>. Dilayari pada 1 Jun 2017.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-1-the-return-of-khilafah.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-2-the-flood.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-hijrah.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/islamic-state-isis-magazine-Issue-4-the-failed-crusade.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue-5-remaining-and-expanding.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue-6-al-qaeda-of-waziristan.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/islamic-state-dabiq-magazine-issue-7-from-hypocrisy-to-apostasy.pdf>. Dilayari pada 25 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue+8-sharia-alone-will-rule-africa.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <https://clarionproject.org/docs/isis-isil-islamic-state-magazine-issue+9-they-plot-and-allah-plots-sex-slavery.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue%2010%20-%20The%20Laws%20of%20Allah%20or%20the%20Laws%20of%20Men.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue%2011%20-%20From%20the%20battle%20of%20Al-Ahزاب%20to%20the%20war%20of%20coalitions.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-isis-isil-dabiq-magazine-issue-12-just-terror.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Issue-13-the-rafidah.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/Dabiq-Issue-14.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.
- <http://clarionproject.org/wp-content/uploads/islamic-state-magazine-dabiq-fifteen-breaking-the-cross.pdf>. Dilayari pada 26 Ogos 2016.